

PEMECATAN PETE BEST



Setelah The Beatles menandatangani kontrak untuk recording Album pertama mereka pada tahun 1962, tiga ahli the Beatles mendesak pengurus mereka Brian Epstein untuk pecat pemain drum the Beatles, iaitu Pete Best. Tak tau sebab apa mereka nak pecat Best, Epstein terpaksa memberi tahu Best perkara itu tiga hari sebelum recording album mereka bermula.


THE BEATLES JADI TERKENAL

Cuba bayangkan betapa sedihnya Best. Kalau ikutkan, Best tidak pernah ada kontroversi. Dia bukan saja menjadi kegilaan peminat kerana dia tidak ambil nampak dia yang patut mengetuai the Beatles bukan John atau Paul. Apa yang menyedihkan lagi, setelah enam bulan pemecatannya The Beatles meletup menjadi kegilaan ramai menyebabkan John, Paul, George dan Ringgo Starr yang menggantinya sebagai drummer menjadi terkenal seluruh dunia.



PETE BEST TERTEKAN

Keadan itu, menyebabkan Pete Best tertekan. Dia cuba saman the Beatles pada tahun 1965. Projek muziknya dengan yang lain gagal. Hinggakan pada tahun 1968 dia hampir membunuh diri. Tetapi ibunya menjadi penyelamatnya dengan menasihatinya.



INTERVIEW PETE BEST



Setelah sekian lama, apa yang terjadi pada Pete Best selepas itu? Dalam satu interview pada tahun 1994 yakni setelah 32 tahun dipecat dari The Beatles. Best berkata: "I'm happier than I would have been with the Beatles."

KEINGINAN BEST BERTUKAR

Ini bukan ucapan berpura-pura Best. Rupanya terkeluar dari The Beatles menjadi penyebab ia bertemu jodoh dengan isterinya dan membawa kepada perkahwinan yang selepas itu melahirkan anak-anak yang dia sayangi. Keinginannya sudah bertukar dari ingin menjadi glamour kepada hidup yang lebih bahagia bersama orang tersayang.

KEMARAHAN BERTUKAR MENJADI SYUKUR



Apabila ia mula memahami kehendak hatinya, kemarahannya pada The Beatles bertukar menjadi syukur kerana peristiwa itu. Kehendaknya kini telah berubah nak kepada keluarga yang bahagia, perkahwinan yang kukuh dan hidup yang simple dan tak mau serabut. bersama orang tersayang.

BEST MASIH BERMAIN DRUM

Persoalan lain yang timbul, adakah dia berhenti bermain drum? Tidak Pete Best masih terus bermain drum, pusing satu eropah dengan konsert dan masih rekod album sampailah tahun 2000. So takde benda hilang darinya. Cuma dia tidak bersama the Beatles. Itu saja. bersama orang tersayang.



PENGAJARAN



Jelas apa yang kita nak



Sentiasa bersyukur dengan apa yang menimpa



Tukarkan musibah menjadi peluang

وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ

"Siapa yang bersyukur ia sebenarnya bersyukur terhadap dirinya"

(Al-Namli : 40)